

AMALAN KEPIMPINAN GURU PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA DI ZON TENGAH

Amirul Fahmie Abdul Razak

*Muhamad Faizal A. Ghani

Norfariza Mohd Radzi

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*mdfaizal@um.edu.my

ABSTRACT

Effective leadership among teachers is essential to produce a productive and prosperous future generation. Therefore, one of the approaches that can be taken is to introduce elements of leadership as early as the teacher preparatory stage. This study aims to find out the level of effectiveness of pre-service teacher leadership practices of the Malaysian Institute of Teacher Education (*Institut Pendidikan Guru Malaysia*) in the Central zone. Specifically, this study aims to identify the level of effectiveness of IPGM trainee teacher leadership practices based on the domain of striving for futuristic leadership, setting the direction, enriching data, appreciating diversity, respecting stakeholder consensus, and practicing a collaborative & collective culture. This study applied a quantitative method that uses a survey approach. Data was collected using an online questionnaire on 309 pre-service teachers at four Malaysian Teacher Education Institutes in the Central Zone. Data were analyzed using Statistical Program Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0 software, which uses descriptive statistical methods such as mean and standard deviation. The results of the study show that the level of effectiveness of the leadership practices of IPGM trainee teachers in the middle zone is generally at a moderate level (Mean=3.48, SP=0.70). The implication of this study is that education stakeholders realize that the leadership of pre-service teachers needs to be emphasized and improved continuously. Policy makers should devise targeted interventions and support mechanisms aimed at fostering a culture of leadership at the early stages of teacher education.

Keywords: *preservice teacher leadership, trainee teacher, teacher education, leadership practices*

PENGENALAN

Guru memegang peranan penting dalam membentuk trajektori perjalanan pendidikan pelajar, yang mempengaruhi bukan sahaja pencapaian akademik tetapi juga perkembangan holistik mereka. Menyadari impak yang mendalam ini, adalah mustahak bagi pendidik untuk menggunakan strategi pedagogi yang berkesan sambil turut mengambil alih peranan kepimpinan dalam konteks sekolah dan komuniti yang lebih luas. Penemuan kajian Chaaban dan Sawalhi (2020) menyamai kenyataan di atas dengan pandangan bahawa persekitaran pembelajaran hari ini memerlukan guru menunjukkan pengetahuan, kemahiran dan nilai kritikal untuk memupuk proses pembelajaran dan pengajaran yang bermakna serta menggalakkan kerjasama dalam kalangan pendidik. Salah satu kemahiran yang diperlukan adalah kemahiran memimpin. Sesungguhnya, kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru semakin diiktiraf sebagai memainkan peranan dalam memacu kecemerlangan pendidikan dan kemajuan profesional.

Kepimpinan guru, sebagai konsep yang sedang berkembang dalam wacana pendidikan global, mempunyai pengaruh yang besar ke atas amalan pedagogi, pertumbuhan profesional, dan dinamik institusi (Rivera-Gutiérrez & Higuera-Zimbrón, 2022). Dalam wacana pendidikan kontemporari, memupuk keupayaan kepimpinan guru dalam kalangan pendidik pelatih telah muncul sebagai satu kemestian yang menarik untuk memupuk pembaharuan dan inovasi pendidikan yang mampan (Santos & Hoeh, 2022). Kemahiran kepimpinan dalam bidang pendidikan telah menjadi titik fokus penyelidikan yang berkembang pesat, menekankan peranan penting pemimpin pendidikan dalam memupuk persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dalam domain kepimpinan pendidikan, memperkasakan guru pelatih telah muncul sebagai bidang siasatan yang strategik. Bond (2011) turut berpandangan bahawa perhatian ke atas penerapan kemahiran kepimpinan kepada guru di peringkat persediaan perlu diutamakan, memandangkan peranan asas mereka dalam mewujudkan asas profesionalisme dan kecekapan pedagogi.

Malaysia, dengan corak budaya yang pelbagai dan landskap pendidikan yang dinamik, telah mengiktiraf peranan penting kepimpinan guru dalam memajukan agenda pendidikan negaranya. Dalam landskap pendidikan Malaysia, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), yang diselia oleh Kementerian Pendidikan, berfungsi sebagai institusi penting untuk latihan dan pembangunan pendidik masa depan. Program pendidikan guru pelatih, sebagai asas kepada amalan pendidikan masa hadapan, memainkan peranan penting dalam membentuk kecekapan, kecenderungan dan potensi kepimpinan bakal pendidik. IPGM sebagai wadah utama untuk memupuk pendidik masa depan, berfungsi sebagai tanah subur untuk penanaman dan penyebaran amalan pedagogi yang inovatif dan inisiatif kepimpinan.

Pihak institusi pendidikan guru khususnya IPGM telah mengambil pelbagai inisiatif melalui pelaksanaan program dan aktiviti mahupun melibatkan kurikulum dalam usaha meluaskan laluan guru pelatih kepada peranan kepimpinan. Namun, usaha-usaha tersebut masih lagi kurang berkesan dengan mengambil kira input terhadap elemen kepimpinan yang diperoleh daripada laporan maklum balas pelanggan (pihak sekolah) dan juga laporan kajian pengesahan graduan IPGM. Selari dengan masalah ini, kajian Chaaban dan Sawalhi (2022) menemui guru baharu di sekolah tidak berupaya mengaitkan sepenuhnya ciri-ciri dan amalan berorientasikan kepimpinan seterusnya mencadangkan agar program penyediaan guru memberi lebih penekanan ke atas pembangunan ciri-ciri kepimpinan khusus bagi membantu pelajar calon guru mengaplikasi amalan berkaitan dengan kepimpinan guru. Pada masa yang sama, Barnett dan De Klerk (2023) dalam kajian mereka mendapati guru pelatih masih merasa sukar untuk membangunkan diri mereka tanpa pengaruh nilai negatif seperti ketakutan dan prasangka, sementara mereka juga kurang mahir untuk mengaplikasikan elemen kepimpinan semasa pengajian mereka di institusi pendidikan guru.

Dalam meninjau skop yang lebih luas, terdapat peningkatan pengiktirafan tentang kepentingan kepimpinan guru. Namun, masih terdapat kekurangan penyelidikan empirikal yang khusus mengenai sifat dan keberkesanan amalan kepimpinan di peringkat persediaan guru. Kekurangan ini terutamanya berlaku dalam Institusi Pendidikan Guru di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang penyelidikan ini dengan menyediakan tinjauan mendalam tentang amalan kepimpinan guru pelatih dalam Institusi Pendidikan Guru Malaysia, dengan memfokuskan secara eksplisit kepada institusi yang terletak di Zon Tengah. Dengan memberi penerangan tentang dimensi pelbagai aspek kepimpinan guru, daripada pengupayaan kepimpinan futuristik, penetapan hala tuju, pemerkayaan data, penghargaan kepada kepelbagaian, permuafakatan pemegang taruh dan juga pembudayaan kolaboratif dan kolektif, penyelidikan ini berusaha untuk menyumbangkan pandangan yang berharga kepada badan literatur sedia ada mengenai kepimpinan pendidikan dan pembangunan guru.

Selanjutnya, kajian ini berupaya untuk menimbulkan kesedaran di kalangan warga institusi pendidikan guru tentang pentingnya kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru pelatih. Khususnya, kajian ini menitikberatkan pendekatan pelaksanaan dalam konteks tempatan, kerana tidak semua pendekatan dari

negara luar sesuai untuk diamalkan oleh institusi pendidikan guru di Malaysia. Selain itu, penerokaan ini mempunyai implikasi yang ketara bagi penggubalan dasar dan inisiatif pembangunan profesional yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan program pendidikan guru di Malaysia.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan keperluan pengkaji untuk mendapatkan data dalam fasa analisis keperluan bagi kajian reka bentuk dan pembangunan model kepimpinan yang disesuaikan dengan konteks tempatan dalam penyediaan guru. Kajian ini merupakan salah satu sumber data bagi mengenal pasti keperluan model kepimpinan guru pelatih berkompeter Institut Pendidikan Guru Malaysia sebelum model dibangunkan dan dinilai dalam fasa seterusnya (Saedah et al., 2013). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap keberkesanan amalan kepimpinan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Tengah.

SOROTAN KAJIAN

Konsep Kepimpinan

Konsep kepimpinan adalah luas dan boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara. Menurut Northouse (2021), kepimpinan adalah tindakan di mana seseorang mempengaruhi sekumpulan orang untuk mencapai objektif bersama. Pengaruh, dinamik kumpulan, dan pencapaian matlamat adalah semua aspek penting dalam proses kepimpinan, menurut konsep kepimpinan ini. Kepimpinan berlaku secara meluas sebagai proses sosial, di mana seseorang atau kumpulan mempengaruhi tingkah laku orang lain untuk mencapai matlamat bersama. Ia juga berlaku dalam organisasi, baik formal atau tidak formal, dan ia mempunyai asas rasional, sosial, dan emosi.

Selanjutnya, konsep kepimpinan oleh Maxwell (2006) menekankan tentang pengaruh dalam kepimpinan. Kepimpinan bukan semata-mata mengenai gelaran, jawatan, atau kuasa, tetapi lebih kepada keupayaan untuk mempengaruhi orang lain secara positif dan membawa hasil yang diinginkan. Maxwell (2006) mencipta konsep kepimpinan yang menekankan betapa pentingnya perhubungan, komunikasi, dan keupayaan untuk memberi inspirasi dan membimbing orang lain ke arah matlamat bersama. Yukl (2006) menyokong idea yang sama, menggambarkan kepimpinan sebagai proses mendorong orang lain untuk memahami dan bersetuju tentang tindakan yang perlu diambil. Konsep ini menunjukkan betapa pentingnya komunikasi dan pengaruh dalam kepimpinan. Selain itu, idea kepimpinan ini menunjukkan betapa pentingnya pengikut membuat keputusan dan bersetuju, kerana pemimpin perlu memastikan semua orang mempunyai visi.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa konsep kepimpinan adalah luas dan dapat diterjemahkan daripada definisi yang berbeza-bebeza. Berdasarkan konsep yang disenaraikan di atas, dapat dirumuskan bahawa konsep kepimpinan menekankan pencapaian matlamat, kepentingan komunikasi, pengaruh dan pembinaan konsensus dalam kepimpinan yang berkesan.

Konsep Kepimpinan Guru Pelatih

Terdapat pelbagai konsep kepimpinan guru pelatih. Kebanyakan pengkaji mempunyai pandangan dan perspektif yang berbeza tentang konsep kepimpinan guru pelatih. Pengkaji di Belanda mengenai kepimpinan pelajar calon guru, seperti York-Barr dan Duke (2004) dan Meirink et al. (2020), melihat kepimpinan pelajar calon guru dari perspektif kepimpinan bilik darjah. Menurut York-Barr dan Duke (2004), perkara yang paling penting tentang kepimpinan pelajar calon guru adalah keupayaan untuk memimpin aktiviti pelajar di dalam bilik darjah.

Menurut Cranston dan Kusanovich (2015), kebolehan memimpin adalah sebahagian daripada kepimpinan guru pelatih sejak awal kehadiran mereka dalam program persediaan guru. Menurut Bond

(2011), kepemimpinan guru pelatih adalah berkisarkan tentang idea kepemimpinan guru, sikap keterbukaan untuk berkembang sebagai pemimpin, dan peluang untuk memupuk kemahiran kepemimpinan. Oleh itu, program persediaan guru harus mempunyai keupayaan untuk mengubah pelajar yang akan menjadi guru. Ini akan mengubah kedua-dua persekitaran sekolah dan aktiviti di luar bilik darjah (King, 2017). Mohamad Izzuan Mohd Ishar dan Mohd Khata Jabor (2016) mendefinisikan konsep kepemimpinan guru pelatih di Malaysia dengan mengambil kira aspek seperti cara berfikir, kemahiran pengajaran, komunikasi, dan lain-lain.

Kesimpulannya, konsep kepemimpinan guru pelatih memberikan gambaran kepada jangkaan kemenjadian seorang guru yang berkualiti dari pelbagai tafsirannya. Kepimpinan guru pelatih dapat dilihat dari aspek pengajaran dan pembelajaran bilik darjah, pengetahuan serta kemahiran kepemimpinan, komunikasi dan juga cara berfikir di dalam dan luar bilik darjah. Aspek-aspek ini harus terus ditambah baik dalam diri guru pelatih dari semasa ke semasa mengikut situasi dan mencapai standard guru yang diinginkan oleh negara.

Kajian Kepimpinan Guru Pelatih

Kajian Polat (2023) ke atas 278 guru pelatih di Fakulti Pendidikan Universiti Negeri Timur Turki yang mengguna pakai analisis model struktur PLS-SEM pula, mendedahkan orientasi kepemimpinan guru pelatih umumnya tinggi namun cenderung ke arah kepemimpinan karismatik. Kajian ini telah menyiasat orientasi kepemimpinan multidimensi guru pelatih dan mencadangkan model untuk pendidikan guru dan pembangunan kepimpinan dalam meramalkan kecenderungan kepimpinan struktur dengan kesan pengantaraan separa yang ketara dalam dimensi kepimpinan karismatik.

Selanjutnya, Sharp et al. (2018) membincangkan kepentingan persediaan guru pelatih menjadi pemimpin literasi di bilik darjah dan sekolah. Kajian ini menyiasat bagaimana pendidik guru literasi memupuk kepimpinan literasi di kalangan guru pelatih, menekankan keperluan program pendidikan guru untuk menanamkan kemahiran kepimpinan dalam konteks pendidikan literasi. Selain itu, Wang et al. (2023) menekankan kepentingan memupuk guru pelatih sebagai pemimpin guru masa depan dari peringkat awal latihan mereka. Kajian mereka mencadangkan bahawa dengan memberikan peluang kepada guru pelatih untuk terlibat dalam peranan kepimpinan, mereka dapat mengembangkan kemahiran dan sifat yang diperlukan untuk menjadi guru masa depan yang cemerlang. Kajian ini menekankan integrasi pembangunan kepimpinan ke dalam program pendidikan guru.

Aspek lain yang dijelajahi dalam sintesis ini berkaitan dengan kepimpinan transformasi dan hubungannya dengan kompetensi sosioemosional dan moral dalam pendidik masa depan. Álamo dan Falla (2023) menerangkan kepentingan kepimpinan transformasi sebagai pemangkin inovasi dan perubahan positif dalam pendidikan. Penyelidikan mereka mengenal pasti kompetensi sosioemosional dan moral tertentu, seperti pengurusan diri, kesedaran sosial, dan membuat keputusan yang bertanggungjawab, yang berkait rapat dengan kepimpinan transformasi. Ini menegaskan kepentingan memupuk kompetensi ini dalam guru pelatih untuk mengembangkan keupayaan kepimpinan.

Cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih ketika mereka berusaha menjadi agen perubahan adalah aspek penting yang dibincangkan dalam sintesis ini. Huang et al. (2023) menerangkan cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih semasa melaksanakan pedagogi anti-rasis. Kajian mereka menekankan kebimbangan yang berkaitan dengan identiti guru, pemahaman keliru ibu bapa, dan sokongan terhadap kepimpinan pendidikan. Ini menegaskan keperluan struktur sokongan menyeluruh dan latihan untuk memberdayakan guru pelatih sebagai ejen perubahan yang efektif dalam mempromosikan keadilan sosial dalam konteks pendidikan.

Selanjutnya, penyelidikan oleh Meirink et al. (2020) dan Acquaro (2019) menekankan potensi keterlibatan guru baru dalam peranan kepimpinan dan kepentingan untuk memperkukuh kurikulum

berkaitan kepimpinan dalam program pendidikan guru. Selain itu, kajian oleh Chaaban dan Sawalhi (2020) serta Mohamad Izzuan Mohd Ishar dan Mohd Khata Jabor (2016) menerangkan pembangunan kepimpinan guru semasa pengalaman praktikum, mencadangkan peluang untuk peningkatan pemahaman dan pembangunan kepimpinan guru di kalangan guru latihan. Akhirnya, penyelidikan oleh Khalip Musa et al. (2016) menegaskan keberkesanan kepimpinan guru dalam menyediakan pengetahuan penting kepada guru pelatih sebelum mereka memasuki pasaran kerja.

Secara keseluruhan, penjelajahan kepimpinan guru pelatih telah menerangi beberapa aspek kritikal dalam ranah pendidikan dan pembangunan guru. Dalam landskap pendidikan guru yang sentiasa berubah, penemuan kolektif dari kajian-kajian ini menekankan sifat serba guna kepimpinan guru pelatih dan implikasi jangka panjangnya. Di samping itu, kajian-kajian ini secara kolektif menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai bagaimana kepimpinan guru pelatih boleh dipupuk, dimanfaatkan, dan diintegrasikan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian kuantitatif ini merupakan kajian tinjauan bagi melihat tahap amalan kepimpinan guru pelatih IPGM. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik untuk mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan kepimpinan guru pelatih IPGM. Kaedah tinjauan dipilih adalah disebabkan kesesuaian kaedah ini untuk ditadbir ke atas sampel yang bersaiz besar dan dengan masa yang terhad (Bougie & Sekaran, 2019).

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini melibatkan 309 orang guru pelatih yang berada di semester akhir dalam program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di empat buah IPGM Zon Tengah yang diperoleh daripada pengiraan berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan IPGM di Zon Tengah adalah kerana kepelbagaian program yang ditawarkan di sana serta terdiri daripada IPGM yang terawal ditubuhkan selain terletak di kawasan yang maju. Guru pelatih di semester akhir dipilih kerana guru pelatih telah menjalani beberapa fasa praktikum di sekolah dan lebih matang serta berpengalaman. Berdasarkan jadual saiz sampel, tahap keyakinan, dan selang keyakinan bagi sampel rawak daripada Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang diperlukan berdasarkan populasi 1035 orang guru pelatih ialah sebanyak 309 orang guru pelatih dengan mengambil kira 10% tambahan bagi menguruskan data yang hilang. Tindakan ini disokong oleh Morse (2015) yang mengatakan bahawa populasi yang besar dengan pelbagai pengalaman boleh menyediakan sampel yang lebih mewakili untuk kajian itu.

Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan dalam pemilihan responden kerana kaedah ini memastikan setiap subkumpulan diwakili dalam sampel. Selain itu, kaedah ini juga menyediakan anggaran yang tepat untuk setiap subkumpulan Liu dan Pontius (2021). Set sampel mewakili populasi dengan tepat kerana populasi berstrata dan bukannya menggunakan kaedah persampelan rawak. Creswell & Clark (2011) menyokong dengan pendapat bahawa ketersediaan data di lokasi kajian mewakili populasi yang tepat boleh membantu dalam mereka bentuk dan menjalankan pengkajian. Jadual 1 di bawah jadual pecahan guru pelatih mengikut empat buah kampus IPG Zon Tengah yang terlibat untuk menjawab soal selidik di fasa 1 ini.

Jadual 1

Jumlah Populasi dan Sampel

	Populasi	Sampel
IPGM Kampus	Jumlah Guru Pelatih	Jumlah Sampel IPG
IPGM Kampus A	209 orang	63
IPGM Kampus B	264 orang	79

IPGM Kampus C	343 orang	102
IPGM Kampus D	219 orang	65
Jumlah	1035	309

Jadual 1 menunjukkan jumlah sampel yang tepat mengikut setiap IPG di Zon Tengah yang terlibat.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik bagi kajian ini telah melalui 4 fasa yang dicadangkan oleh Creswell dan Creswell, (2005) iaitu perancangan, pembinaan, penilaian kuantitatif dan pengesahan. Item dalam instrumen soal selidik ini diadaptasi menggunakan kaedah penyesuaian ke atas Instrumen Inventori Amalan Kepimpinan Kendiri (*Leadership Practices Inventory Self (LPIS)*) oleh Kouzes dan Posner (2003) yang turut diguna pakai ke atas guru pelatih dalam kajian yang dijalankan oleh Koh (2008) di Amerika Syarikat bagi menilai kepimpinan guru pelatih, serta instrumen soal selidik kepimpinan guru novis yang dibangunkan oleh Austin Morgan (2019) bagi menilai tahap keberkesanan kepimpinan guru pelatih di IPGM.

Walau bagaimanapun, pengkaji telah membuat sedikit penyesuaian terhadap susunan soalan tinjauan di atas mengikut konteks kajian hasil dapatan daripada literatur dengan membahagikan soalan mengikut lima konstruk iaitu (i) mengupaya kepimpinan futuristik, (ii) menetapkan hala tuju, (iii) memperkaya data, (iv) menghargai kepelbagaian, (v) menyantuni permuafakatan pemegang taruh dan (vi) mengamal budaya kolaboratif dan kolektif menjadikan jumlah item dalam soal selidik sebanyak 35 soalan. Selain itu juga, pengkaji telah menyesuaikan pengukuran skala Likert sepuluh mata dalam soal selidik asal *LPIS* kepada skala Likert lima mata terdiri daripada Tidak Pernah (1), Jarang-jarang (2), Kadang-kadang (3), Kerap (4) dan Sangat kerap (5).

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pengkaji menggunakan khidmat dua orang pakar iaitu pakar bidang kepimpinan dan pakar bahasa bagi menjalankan pengesahan kandungan dan muka terhadap soal selidik yang telah diubahsuai. Komen dan pandangan pakar tersebut diambil kira untuk memastikan maksud setiap item serta penggunaan perkataan Bahasa Melayu dalam soal selidik adalah tepat dengan instrumen asal.

Selain itu, kajian rintis dibuat melibatkan 40 orang guru pelatih di sebuah IPGM berhampiran Lembah Klang yang setara dengan kajian sebenar dari aspek lokasi serta profil peserta kajian seperti yang disarankan oleh David et al. (2010). Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti masalah berhubung pemahaman dan interpretasi responden terhadap item-item soalan dalam soal selidik, melihat jangka masa yang diperuntukkan bagi menjawab item-item dalam soal selidik dan mendapat maklum balas daripada responden supaya penambahbaikan item dapat dilakukan. Data hasil daripada kajian rintis menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* 0.98 seperti di Jadual 2.

Jadual 2

Rumusan Skala Kebolehpercayaan

Domain	Nilai Cronbach Alpha	Bilangan Item
i) mengupaya kepimpinan futuristik	0.86	6
ii) menetapkan hala tuju	0.93	9
iii) memperkaya data	0.89	5
iv) menghargai kepelbagaian	0.91	4
v) menyantuni permuafakatan pemegang taruh	0.87	4
vi) mengamal budaya kolaboratif & kolektif	0.93	7
KESELURUHAN	0.98	35

Analisis Data

Analisis data menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) ver 26.0*. Analisis deskriptif, kekerapan dan min digunakan untuk menilai tahap amalan kepimpinan guru pelatih IPGM berdasarkan pandangan guru pelatih IPG. Dalam hal ini, Uma Sekaran (2000) menjelaskan bahawa statistik deskriptif berbentuk skor peratusan mahupun skor min serta sisihan piawai dapat digunakan bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Analisis deskriptif data kajian yang melibatkan skor peratus digunakan untuk menghuraikan demografi kajian meliputi profil IPGM dan profil responden kajian. Justeru, profil responden kajian merangkumi umur, jantina, dan jawatan disandang. Analisis deskriptif data kajian melibatkan nilai min dan sisihan piawai pula digunakan bagi mendapatkan jawapan kepada soalan kajian pertama. Penggunaan nilai min dan sisihan piawai adalah kaedah yang digunakan secara meluas bagi menggambarkan maklum balas peserta kajian terhadap item sesuatu instrumen (Creswell, 2009; Parmjit et al., 2009). Justeru, bagi mengetahui tahap kepimpinan guru pelatih IPG, data diukur dengan menggunakan skala Likert 5 poin seperti mana berikut: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Agak Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju.

Jadual 3

Maklumat Demografi Responden

Bil	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
1.	Jantina		
	Lelaki	143	46.3
	Perempuan	166	53.7
2.	Umur		
	21-23 tahun	215	69.6
	24 tahun ke atas	94	30.4
3.	Jawatan		
	Jawatankuasa Perwakilan Pelajar	25	8.1
	Ketua/Penolong Ketua Kuliah	82	26.5
	AJK tertinggi Kelab/Persatuan	61	19.7
	Tiada	130	42.1
	Lain-lain	11	3.6

Bagi tujuan menghuraikan tahap amalan kepimpinan guru pelatih IPGM di zon tengah, kajian ini telah menggunakan interpretasi nilai min yang telah diubah suai daripada Nunally dan Bernstein (1978) seperti di Jadual 4 bawah.

Jadual 4

Interpretasi Nilai Min Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih IPGM di Zon Tengah

Skor Min	Tahap Keberkesanan	Interprestasi
1.00 hingga 2.49	Rendah	Kurang memuaskan
2.50 hingga 3.79	Sederhana	Sederhana memuaskan
3.80 hingga 5.00	Tinggi	Memuaskan

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan amalan kepimpinan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Tengah. Selain itu juga, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti keperluan kepada pembangunan model kepimpinan guru pelatih berkompeter Institut Pendidikan

Guru Malaysia. Kajian ini melibatkan seramai 309 guru pelatih IPGM di zon tengah yang telah menjawab soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan kaedah *Google Forms*. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji telah menjalankan statistik deskriptif dengan menghuraikan dapatan kajian bagi domain dan konstruk yang diperoleh daripada analisis data menggunakan perisian SPSS versi 26.0. Analisis deskriptif yang diukur melalui min dan sisihan piawai digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian bagi mengenal pasti tahap keberkesanan amalan kepimpinan guru pelatih IPGM di zon tengah.

Tahap keberkesanan amalan kepimpinan guru pelatih IPGM di zon Tengah

a) Amalan kepimpinan mengupaya kepimpinan futuristik

Dapatan bagi amalan kepimpinan guru pelatih mengupaya kepimpinan futuristik ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Mengupaya Kepimpinan Futuristik

<i>Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Mengupaya Kepimpinan Futuristik</i>	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
(A1) Saya merupakan suri teladan (<i>role-model</i>) kepada rakan-rakan.	3.16	0.85	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(A2) Saya berani mengambil risiko terhadap setiap keputusan yang dibuat.	3.39	0.88	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(A3) Saya membuat refleksi sendiri selepas pelaksanaan sesuatu aktiviti.	3.42	0.99	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(A4) Saya mendalami pelbagai strategi pengajaran bagi persiapan pengajaran masa depan khususnya kepelbagaian kecekapan dalam kalangan murid.	3.39	0.94	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(A5) Saya mempunyai perancangan alternatif bagi menggantikan perancangan sebenar jika berlaku sesuatu risiko.	3.38	0.83	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(A6) Saya mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kehidupan saya.	3.14	1.07	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.31	0.70	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 5 menunjukkan skor min dan sisihan piawai setiap item berdasarkan domain *Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Mengupaya Kepimpinan Futuristik*. Analisis deskriptif bagi domain tahap keberkesanan amalan kepimpinan guru pelatih mengupaya kepimpinan futuristik secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor min = 3.31, sisihan piawai 0.70. Hasil dapatan menunjukkan item A3 mempunyai skor min paling tinggi iaitu dengan skor min = 3.42, sisihan piawai 0.99 manakala skor min terendah adalah pada item A6 dengan skor min = 3.14, sisihan piawai 1.07. Walau bagaimanapun kesemua item dalam domain ini berada pada tahap sederhana apabila skor min keseluruhan = 3.31, sisihan piawai 0.70. Penemuan ini menunjukkan bahawa kepimpinan futuristik guru pelatih IPGM masih berada di tahap sederhana dan boleh ditingkatkan lagi.

b) Amalan kepimpinan menetapkan hala tuju

Dapatan kajian bagi domain amalan kepimpinan guru pelatih menetapkan hala tuju ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menetapkan Hala Tuju.

<i>Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menetapkan Hala Tuju</i>	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
(B7) Saya berkongsi hala tuju dengan rakan-rakan saya.	3.27	0.94	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B8) Saya membangunkan hala tuju yang realistik.	3.39	0.98	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B9) Saya merancang sesuatu aktiviti secara kolaboratif.	3.35	0.95	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B10) Saya merancang sesuatu aktiviti berpandukan objektif yang boleh dicapai.	3.64	0.90	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B11) Saya merancang sesuatu aktiviti berpandukan objektif yang boleh diukur.	3.60	0.92	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B12) Saya merancang sesuatu aktiviti berpandukan objektif yang jelas.	3.62	0.92	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B13) Saya membangunkan hala tuju peribadi yang selari dengan hala tuju kerjaya.	3.56	0.84	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B14) Saya mengagihkan kuasa kepada rakan bagi mencapai matlamat sesuatu aktiviti.	3.43	0.98	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(B15) Saya jelas dengan kandungan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK).	3.53	0.89	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.48	0.71	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai setiap item berdasarkan domain *Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menetapkan Hala Tuju*. Kesemua item dalam domain ini berada pada tahap sederhana yang menjadikan skor min keseluruhan = 3.48, sisihan piawai 0.71. Item B10 merupakan item dengan skor min tertinggi iaitu min = 3.64, sisihan piawai = 0.90 manakala item B7 adalah item dengan skor min paling rendah iaitu min = 3.27, sisihan piawai 0.94. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru pelatih IPGM belum mahir menetapkan hala tuju dalam kepimpinan mereka.

c) Amalan kepimpinan memperkaya data

Dapatan kajian bagi domain amalan kepimpinan guru pelatih memperkaya data ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Memperkaya Data.

<i>Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Memperkaya Data</i>	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
(C16) Saya membuat keputusan berkaitan sekolah berdasarkan bukti-bukti penemuan kajian.	2.96	1.13	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(C17) Saya mengenal pasti data berkaitan latar belakang murid sebelum merancang aktiviti pengajaran.	3.29	1.09	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(C18) Saya mengenal pasti pelbagai sumber maklumat untuk meningkatkan kualiti kandungan pengajaran saya.	3.39	1.09	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(C19) Saya cakna dengan setiap perubahan ilmu bidang saya.	3.66	0.84	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(C20) Saya melaksanakan aktiviti penyelidikan bagi meningkatkan strategi pengajaran.	2.86	1.17	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.23	0.90	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai setiap item berdasarkan domain *Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Memperkaya Data*. Dapatan bagi domain ini secara keseluruhan menunjukkan tahap yang sederhana dengan skor min = 3.23, sisihan piawai = 0.90. Seperti dua domain di atas, keseluruhan item dalam domain ini berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, item C19 memperoleh skor min tertinggi dengan nilai min = 3.66, sisihan piawai 0.84. Item C20 pula merupakan item yang memperoleh skor min paling rendah dengan nilai min = 2.86, sisihan piawai 1.17. Dapatan ini secara langsung menunjukkan kepimpinan guru pelatih dalam memperkaya data masih lagi kurang berkesan dan boleh diperbaiki.

d) Amalan kepimpinan menghargai kepelbagaian

Dapatan kajian bagi domain amalan kepimpinan guru pelatih menghargai kepelbagaian ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menghargai Kepelbagaian.

<i>Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menghargai Kepelbagaian</i>	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
(D21) Saya terbuka dengan pelbagai pandangan.	3.93	0.90	Tinggi	Memuaskan
(D22) Saya mengalu-alukan maklum balas tentang bagaimana tindakan saya dapat mempengaruhi tingkah laku individu lain.	3.83	0.94	Tinggi	Memuaskan
(D23) Saya terbuka dengan kreativiti rakan untuk membuat keputusan.	3.81	0.95	Tinggi	Memuaskan

(D24) Saya prihatin dengan penggunaan bahasa ketika berkomunikasi dengan rakan yang pelbagai latar belakang.	3.62	1.10	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.79	0.87	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai setiap item berdasarkan domain *Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menghargai Kepelbagaian*. Keseluruhannya, domain amalan kepimpinan guru pelatih menghargai kepelbagaian menunjukkan dapatan di penghujung tahap sederhana dengan skor min keseluruhan = 3.79, sisihan piawai 0.87. Walaupun begitu, tiga daripada empat item dalam domain ini berada di tahap tinggi bermula dengan item D21 dengan nilai min = 3.93, sisihan piawai 0.90, item D22 dengan nilai min 3.83, sisihan piawai 0.94 dan item D23 dengan nilai min = 3.81, sisihan piawai 0.95. Hanya satu item sahaja yang berada di tahap sederhana iaitu item D24 dengan nilai min = 3.62, sisihan piawai 1.10. Dapatan menunjukkan bahawa tahap kepimpinan guru pelatih dalam menghargai kepelbagaian adalah agak baik namun masih belum mencapai tahap kepuasan sepenuhnya.

e) Amalan kepimpinan menyantuni permuafakatan pemegang taruh

Dapatan kajian bagi domain amalan kepimpinan guru pelatih menyantuni pemegang taruh ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menyantuni Pemegang Taruh.

<i>Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menyantuni Pemegang Taruh</i>	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
(E25) Saya mempunyai hubungan harmonis dengan rakan-rakan.	3.93	0.80	Tinggi	Memuaskan
(E26) Saya menghargai setiap sumbangan ahli pasukan walaupun kecil.	4.02	0.87	Tinggi	Memuaskan
(E27) Saya mengalu-alukan pandangan keluarga dalam merancang aktiviti pengajaran.	3.32	1.31	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(E28) Saya berkolaboratif dengan sekolah lain dalam aktiviti-aktiviti yang meningkatkan pembelajaran sendiri.	2.80	1.21	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.51	0.82	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 9 menunjukkan skor min dan sisihan piawai setiap item berdasarkan domain *Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Menyantuni Pemegang Taruh*. Secara keseluruhannya, amalan kepimpinan guru pelatih menyantuni pemegang taruh menunjukkan tahap sederhana dengan skor min keseluruhan = 3.51, sisihan piawai 0.82. Walaupun di tahap sederhana secara keseluruhan, terdapat dua item dalam domain ini yang berada di tahap tinggi iaitu item E25 dengan skor min = 3.93, sisihan piawai 0.80 dan item E26 dengan skor min 4.02, sisihan piawai 0.87. Item E28 dalam domain ini memperoleh skor min terendah dengan min = 2.80, sisihan piawai 1.21. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepimpinan guru pelatih dalam menyantuni pemegang taruh adalah masih pada tahap sederhana memuaskan dan boleh ditambah baik.

f) *Amalan kepimpinan mengamal budaya kolaboratif & kolektif*

Dapatan bagi amalan kepimpinan guru pelatih mengamal budaya kolaboratif & kolektif ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Mengamal Budaya Kolaboratif & Kolektif

<i>Amalan Kepimpinan Guru Pelatih Mengamal Budaya Kolaboratif & Kolektif</i>	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
(F29) Saya berkongsi sumber ilmu yang pelbagai dengan rakan-rakan.	3.69	0.92	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(F30) Saya mengaplikasikan ilmu yang baharu dipelajari.	3.81	0.82	Tinggi	Memuaskan
(F31) Saya menyampaikan ilmu yang dipelajari dengan rakan yang tidak menghadiri majlis ilmu tersebut.	3.49	0.85	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(F32) Saya berkongsi amalan terbaik individu lain dengan rakan-rakan.	3.50	0.93	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(F33) Saya berkongsi input berkaitan perancangan sesuatu aktiviti dengan rakan-rakan.	3.52	0.89	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(F34) Saya berkolaboratif untuk menangani cabaran masa depan berkaitan dengan bidang pendidikan.	3.30	1.02	Sederhana	Sederhana Memuaskan
(F35) Saya membuat keputusan berdasarkan suara majoriti.	3.77	0.93	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.58	0.73	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 10 menunjukkan skor min dan sisihan piawai setiap item berdasarkan domain *Amalan kepimpinan mengamal budaya kolaboratif & kolektif*. Secara keseluruhannya, tahap kepimpinan guru pelatih mengamal budaya kolaboratif dan kolektif adalah sederhana dengan skor min = 3.58, sisihan piawai 0.73. Terdapat satu item yang berada pada tahap tinggi iaitu item F30 dengan nilai min = 3.81, sisihan piawai 0.82 manakala lain-lain item berada di tahap sederhana. Item F34 memperoleh nilai min terendah dengan nilai min = 3.30, sisihan piawai 1.02. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan guru pelatih mengamal budaya kolaboratif dan kolektif masih memerlukan penambahbaikan untuk lebih berkesan.

Jadual 11

Tahap Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru Pelatih IPGM di zon tengah

Domain	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Interpretasi
a) <i>Amalan kepimpinan mengupaya kepimpinan futuristik</i>	3.31	0.70	Sederhana	Sederhana Memuaskan
b) <i>Amalan kepimpinan menetapkan hala tuju</i>	3.48	0.71	Sederhana	Sederhana Memuaskan

c) <i>Amalan kepimpinan memperkaya data</i>	3.23	0.90	Sederhana	Sederhana Memuaskan
d) <i>Amalan kepimpinan menghargai kepelbagaian</i>	3.79	0.87	Sederhana	Sederhana Memuaskan
e) <i>Amalan kepimpinan menyantuni permuafakatan pemegang taruh</i>	3.51	0.82	Sederhana	Sederhana Memuaskan
f) <i>Amalan kepimpinan mengamal budaya kolaboratif dan kolektif</i>	3.58	0.73	Sederhana	Sederhana Memuaskan
MIN KESELURUHAN	3.48	0.70	SEDERHANA	SEDERHANA MEMUASKAN

Jadual 11 menunjukkan skor min serta sisihan piawai keberkesanan amalan kepimpinan guru pelatih IPGM di zon tengah dan domainnya. Secara keseluruhannya, amalan kepimpinan guru pelatih IPGM di zon tengah berada pada tahap sederhana kerana skor min ialah 3.48 dengan sisihan piawai sebanyak 0.70. Dapatan kajian ini juga menunjukkan domain *Amalan kepimpinan mengupaya kepimpinan futuristik* mempunyai skor min yang paling tinggi (min=3.79, sisihan piawai 0.87) diikuti domain *Amalan kepimpinan mengamal budaya kolaboratif dan kolektif* (min=3.58, sisihan piawai 0.73), domain *Amalan kepimpinan menyantuni permuafakatan pemegang taruh* (min=3.51, sisihan piawai 0.82), domain *Amalan kepimpinan menetapkan hala tuju* (min=3.48, sisihan piawai 0.71), domain *Amalan kepimpinan mengupaya kepimpinan futuristik* (min=3.31, sisihan piawai 0.70) dan domain *Amalan kepimpinan memperkaya data* (min=3.23, sisihan piawai 0.90).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini memberi gambaran yang berharga tentang tahap keberkesanan amalan kepimpinan dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia Zon Tengah. Melalui analisis deskriptif, didapati bahawa guru pelatih menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana merentas pelbagai domain amalan kepimpinan, menunjukkan ruang untuk penambahbaikan dalam kecekapan kepimpinan mereka. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Polat (2023) yang mendedahkan orientasi kepimpinan guru pelatih umumnya tinggi namun cenderung ke arah kepimpinan karismatik. Dalam mengupaya kepimpinan futuristik, guru pelatih dalam kajian ini menunjukkan tahap kecekapan yang sederhana, mencadangkan tahap kemampuan yang belum memuaskan untuk memimpin dalam persekitaran yang berubah dengan cepat dan tidak menentu, dengan fokus pada inovasi, adaptasi, dan penggunaan teknologi. Perkara ini disokong oleh dapatan kajian Holland et al. (2014) yang menunjukkan kepimpinan futuristik berupaya memberi implikasi kepada guru untuk bersedia khususnya struktur program penyediaan guru boleh dikonsepskan semula untuk menyepadukan amalan yang telah dicapai dengan lebih baik.

Seterusnya, penemuan menunjukkan bidang untuk penambahbaikan dalam amalan kepimpinan menetapkan hala tuju yang jelas dan memperkaya data. Tahap keberkesanan sederhana yang diperhatikan dalam bidang ini menyerlahkan keperluan untuk guru pelatih meningkatkan perancangan strategik dan kebolehan membuat keputusan mereka untuk memupuk pendekatan kepimpinan yang lebih berwawasan. Perkara ini selari dengan dapatan kajian Daoud dan Parsons (2021) yang menyatakan guru yang mempunyai wawasan dalam kepimpinan mampu mengatasi halangan di dalam bilik darjah seterusnya memberi impak kepada kebolehan membuat sesuatu keputusan berdasarkan input dan data yang ada.

Berikutnya, guru pelatih menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana dalam menghargai kepelbagaian, dengan kekuatan yang ketara dalam aspek tertentu seperti mengiktiraf perspektif dan pengalaman yang pelbagai. Dapatan ini menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana baik dalam memupuk amalan kepimpinan inklusif yang mengutamakan penglibatan pihak berkepentingan dan penghargaan kepelbagaian dalam konteks pendidikan. Dapatan ini turut menyokong dapatan kajian Sunthonkanokpong dan Murphy (2020) yang mendapati guru pelatih mempunyai kebimbangan yang paling tinggi apabila mengajar pelajar yang pelbagai dalam aspek kekurangan sumber, ketidakupayaan mental, fizikal serta pembelajaran sekaligus menekankan peranan pendidikan tinggi dalam menyediakan guru untuk pelbagai konteks. Begitu juga, dalam melayan pihak berkepentingan, guru pelatih mempamerkan tahap amalan kepimpinan yang sederhana, dengan kekuatan yang ketara dalam bidang tertentu seperti membina konsensus tetapi terdapat peluang untuk penambahbaikan dalam bidang lain. Alsen dan Buss (2022) dalam kajian mereka menyimpulkan bahawa apabila guru pelatih mengembangkan kesedaran kritis, mereka menjadi lebih sedar tentang cara bertindak sebagai guru yang responsif kepelbagaian lantas mampu membangunkan minda pedagogi responsif budaya bersama-sama pihak berkepentingan.

Bagi domain amalan kepimpinan menyantuni pemegang taruh, dapatan turut menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana dalam kalangan guru pelatih. Walaupun guru pelatih mempamerkan kekuatan dalam aspek tertentu, seperti membina konsensus dan penglibatan pihak berkepentingan, terdapat bidang yang perlu diperbaiki, terutamanya dalam memastikan penyertaan dan perwakilan yang saksama semua pihak berkepentingan. Memperkukuh keupayaan guru pelatih untuk bekerjasama secara berkesan dengan pihak berkepentingan dan mengutamakan input dan perspektif mereka dalam proses membuat keputusan adalah penting untuk memupuk budaya tadbir urus dan akauntabiliti bersama dalam institusi pendidikan. Kajian Caldwell (2016) mendapati bahawa terdapat keperluan untuk penjajaran dasar dan amalan yang lebih kukuh di kalangan pihak berkepentingan dalam pendidikan guru dan ia harus dibentuk oleh pemegang taruh berkenaan dengan apa yang membentuk kualiti dalam persekolahan dan kualiti dalam pengajaran.

Tambahan pula, dalam domain pengamalan budaya kolaboratif dan kolektif dalam kepimpinan, guru pelatih menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana. Walaupun tahap keseluruhan keberkesanan dalam mengamalkan budaya kolaboratif dan kolektif adalah sederhana, terdapat bidang yang jelas untuk penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan membuat keputusan kolektif dan kerja berpasukan di kalangan guru pelatih. Perkara ini dapat disesuaikan dengan dapatan kajian Widyastuti (2022) bahawa peranan kepimpinan adalah penting dalam tadbir urus kolaboratif, dengan pemimpin bertindak sebagai penganjur, memujuk pihak berkepentingan seperti pemegang taruh untuk mengambil bahagian, dan mempunyai pengalaman dan reputasi untuk membuat keputusan yang tidak berat sebelah. Dapatan ini menunjukkan keperluan untuk intervensi yang disasarkan dan inisiatif pembangunan profesional yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan kolaboratif dalam kalangan bakal pendidik. Memperkukuh keupayaan guru pelatih untuk bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi secara berkesan, dan memanfaatkan kepakaran dan sumber kolektif adalah penting untuk menggalakkan budaya kerjasama dan tanggungjawab bersama dalam persekitaran pendidikan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menekankan kepentingan inisiatif pembangunan profesional berterusan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan guru pelatih merentasi pelbagai domain. Dengan menangani bidang kekuatan dan bidang untuk penambahbaikan yang dikenal pasti dalam kajian ini, program pendidikan guru dapat menyediakan lebih baik bakal pendidik untuk memikul peranan kepimpinan secara berkesan dan menyumbang secara positif kepada pembaharuan dan inovasi pendidikan di Malaysia.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini mengkaji tentang tahap amalan kepimpinan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Tengah. Melalui analisis deskriptif data yang komprehensif, didapati bahawa guru pelatih IPGM mempamerkan tahap kepimpinan yang sederhana. Penemuan ini menawarkan pandangan berharga tentang keadaan semasa pembangunan kepimpinan dalam kalangan pendidik masa depan dalam landskap pendidikan Malaysia. Walaupun tahap sederhana ini mencadangkan pemahaman asas tentang prinsip dan amalan kepimpinan, ia juga menunjukkan peluang yang mencukupi untuk penambahbaikan dan penghalusan dalam kemahiran dan keupayaan kepimpinan.

Implikasi daripada penemuan ini berupaya membawa kesan yang ketara bagi kedua-dua program pendidikan guru dan konteks pendidikan yang lebih luas di Malaysia. Pertama, mengenal pasti tahap kepimpinan yang sederhana dalam kalangan guru pelatih menekankan kepentingan mengintegrasikan inisiatif pembangunan kepimpinan yang disasarkan dalam kurikulum pendidikan guru. Dengan memupuk pembangunan kepimpinan yang disengajakan seperti pembangunan satu model kepimpinan khusus kepada guru pelatih institusi pendidikan guru. Inisiatif ini berupaya untuk memperkasakan guru pelatih dalam meningkatkan kecekapan kepimpinan mereka seterusnya melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengemudi kerumitan persekitaran pendidikan dengan berkesan. Selain itu, mengiktiraf ruang sedia ada untuk penambahbaikan dalam kepimpinan guru pelatih menekankan keperluan untuk usaha pembangunan profesional berterusan yang mengutamakan peningkatan kemahiran kepimpinan sepanjang kerjaya pendidik.

Tambahan pula, pengenalpastian tahap kepimpinan yang sederhana dalam kalangan guru pelatih menawarkan pandangan yang berharga untuk penggubal dasar pendidikan dan pihak berkepentingan. Dengan mengiktiraf tahap asas ini, pembuat dasar seperti Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) Kementerian Pendidikan Malaysia boleh merangka intervensi yang disasarkan dan mekanisme sokongan yang bertujuan untuk memupuk budaya kepimpinan kecemerlangan dalam institusi pendidikan di Malaysia. Selain itu, memupuk budaya yang menghargai dan memupuk kepimpinan dalam kalangan guru pelatih boleh menyumbang kepada pemupukan landskap pendidikan yang lebih dinamik dan inovatif. Akhirnya, menangani tahap kepimpinan yang sederhana dalam kalangan guru pelatih berpotensi untuk memangkin transformasi positif dalam pendidikan Malaysia, yang membawa kepada peningkatan hasil pelajar dan pengalaman pendidikan yang dipertingkatkan untuk semua pihak berkepentingan yang terlibat.

Ringkasnya, kajian ini berupaya menyumbang kepada wacana yang berkembang tentang kepimpinan guru dalam landskap pendidikan Malaysia, menawarkan pandangan empirikal tentang amalan dan potensi transformatif kepimpinan guru dalam Institut Pendidikan Guru. Dengan menjelaskan kontur kepimpinan guru pelatih dalam konteks khusus ini, kajian ini merupakan usaha untuk memaklumkan penggubalan dasar, amalan institusi, dan inisiatif pembangunan profesional ke arah memupuk budaya kecemerlangan dan inovasi dalam pendidikan guru di Malaysia.

RUJUKAN

- Acquaro, D. (2019). Preparing the Next Generation of Educational Leaders: Initiating a Leadership Discourse in Initial Teacher Education. *International Studies in Educational Administration*, 47(2), 107–121.
- Álamo, M., & Falla, D. (2023). Transformational Leadership And Its Relationship With Socio-Emotional And Moral Competencies In Pre-Service Teachers. *Psychology, Society and Education*, 15(1), 48–56. <https://doi.org/10.21071/pse.v15i1.15552>

- Alsen, E., & Buss, R. R. (2022). Developing Pre-Service Teachers: A Social Justice Approach for Educating Culturally and Linguistically Diverse Students. *Impacting Education: Journal on Transforming Professional Practice*, 7(2), 61–73. <https://doi.org/10.5195/ie.2022.213>
- Austin Morgan, P. M. (2019). *Novice Teacher Leadership: Preparation and Attributes for School Improvement* [ProQuest Dissertations & Theses Global. (2292251555)]. <http://ezproxy.um.edu.my:2048/login?url=https://www.proquest.com/dissertations-theses/novice-teacher-leadership-preparation-attributes/docview/2292251555/se-2>
- Barnett, E. P., & de Klerk, E. D. (2023). Social Justice Leadership Capabilities for Pre-Service Teachers in Contemporary Times: An Education Policy Perspective. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(8), 23–38. <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.8.2>
- Bond, N. (2011a). Preparing Preservice Teachers to Become Teacher Leaders. *Educational Forum*, 75(4), 280–297. <https://doi.org/10.1080/00131725.2011.602578>
- Bond, N. (2011b). Preparing Preservice Teachers to Become Teacher Leaders. *The Educational Forum*, 75(4), 280–297. <https://doi.org/10.1080/00131725.2011.602578>
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Caldwell, B. J. (2016). The Need for Stakeholder Alignment on the Future of Teacher Education Australia. In *Quality and Change in Teacher Education: Western and Chinese Perspectives*. In Cham: Springer International Publishing.
- Chaaban, Y., & Sawalhi, R. (2020). Student Teachers' Development as Teacher Leaders During the Practicum Experience. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 12(5), 927–942. <https://doi.org/10.1108/JARHE-04-2019-0093>
- Cranston, J., & Kusanovich, K. (2015). Learning to Lead against the Grain Dramatizing the Emotional Toll of Teacher Leadership. *Issues in Teacher Education*, 24(2), 63–78.
- Creswell, & Clark. (2011). *MiLED METHODS*. 476.
- Creswell, J. W. (2009). Mapping the field of mixed methods research. In *Journal of mixed methods research* (Vol. 3, Issue 2, pp. 95–108). SAGE publications Sage CA: Los Angeles, CA.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2005). *Mixed methods research: Developments, debates, and dilemma*. Berrett-Koehler Publishers Oakland, CA.
- Daoud, N., & Parsons, S. A. (2021). Visioning and hope: A longitudinal study of two teachers from preservice to inservice. *Peabody Journal of Education*, 96(4), 393–405.
- David, L. C. L., Salleh, N. A., Yasin, S. M., Shahrhan, M. K., Yatim, A. M., & Habib, A. R. (2010). *Keadah penyelidikan dalam pendidikan*. Serdang: Open University Malaya.
- Huang, T., Zhou, J., Chen, S., & Barnett, E. (2023). “I’m concerned about actually doing it”: The Struggles of Pre-service Teachers Becoming Change Agents. *Middle School Journal*, 54(4), 37–50. <https://doi.org/10.1080/00940771.2023.2232263>
- John M. Holland, Jon Eckert, & Megan M. Allen. (2014). From preservice to teacher leadership: Meeting the future in educator preparation. *Action in Teacher EducationTeacher*, 36(5–6), 433–445.
- Khalip Musa, Masturah Zainal Abidin, & Norlia Mat Norwani. (2016). Teacher Leadership Knowledge to Pre-Service Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 351–360. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v6-i11/2404>
- King, F. (2017). Evolving Perspective(s) of Teacher Leadership: An Exploration of Teacher Leadership for Inclusion at Preservice Level in the Republic of Ireland. *International Studies in Educational Administration (Commonwealth Council for Educational Administration & Management (CCEAM))*, 45(3), 5–21. <http://login.ezproxy.lib.umn.edu/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&AuthType=ip,uid&db=aph&AN=128198209&site=ehost-live>
- Koh, S. E. (2008). Leadership and management skills of preservice teachers [The Claremont Graduate University PP - United States -- California]. In *ProQuest Dissertations and Theses*. <http://ezproxy.um.edu.my:2048/login?url=https://www.proquest.com/dissertations->

- theses/leadership-management-skills-preservice-teachers/docview/304672058/se-2?accountid=28930
- Kouzes, J. M., & Posner, B. Z. (2003). *The leadership practices inventory (LPI): Self instrument* (Vol. 52). John Wiley & Sons.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Liu, Z., & Pontius, R. G. (2021). The total operating characteristic from stratified random sampling with an application to flood mapping. *Remote Sensing*, 13(19). <https://doi.org/10.3390/rs13193922>
- Maxwell, J. C. (2006). *The 360 Degree Leader Workbook: Developing Your Influence from Anywhere in the Organization*. HarperChristian Resources.
- Meirink, J., Van Der Want, A., Louws, M., Meijer, P., Oolbekkink-Marchand, H., & Schaap, H. (2020). Beginning Teachers' Opportunities for Enacting Informal Teacher Leadership: Perceptions of Teachers and School Management Staff Members. *European Journal of Teacher Education*, 43(2), 243–257. <https://doi.org/10.1080/02619768.2019.1672654>
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar, & Mohd Khata Jabor. (2016). Pembentukan Kemahiran Kepimpinan Guru Pelatih Melalui Latihan Mengajar. In *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (Vol. 1, Issue 1). www.msocsciences.com
- Morse, J. M. (2015). Critical Analysis of Strategies for Determining Rigor in Qualitative Inquiry. *Qualitative Health Research*, 25(9), 1212–1222. <https://doi.org/10.1177/1049732315588501>
- Northouse, P. G. (2021). *Leadership: Theory and practice*. Sage publications.
- Nunally, J. C., & Bernstein, I. H. (1978). *Psychometric theory*. New York: McGraw-Hill.
- Parmjit, S., Puzziawati, A. G., & Hoon, T. S. (2009). *Quantitative Data Analysis for Novice Researchers*. Kuala Lumpur: Primer Publishing.
- Polat, M. (2023). Pre-service teachers' multidimensional leadership orientations: A PLS-SEM modelling. *Journal of Innovative Research in Teacher Education*, 4(1), 131–149. <https://doi.org/10.29329/jirte.2023.531.8>
- Pucella, T. J. (2016). *Not Too Young to Lead: Preparing Pre-Service Teachers to Lead*. 202–228. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-0204-3.CH010>
- Rivera-Gutiérrez, E., & Higuera-Zimbrón, A. (2022). Leadership development in initial teacher training. *Revista de Pedagogía Crítica*, 10. <https://doi.org/10.35429/jcp.2022.15.6.10.18>
- Santos, W. A. L. dos, & Hoeh, E. (2022). *The Role of Professional Organizations in Developing Preservice Teacher Leaders*. 131–143. <https://doi.org/10.4324/9781003123972-12>
- Sharp, L. A., Piper, R., & Raymond, R. D. (2018). Are We Preparing Teachers for Literacy Leadership? *Reading Teacher*, 72(2), 223–232. <https://doi.org/10.1002/trtr.1704>
- Sunthonkanokpong, W., & Murphy, E. (2020). Pre-service teachers' concerns about diversity. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 13(4), 1097–1109. <https://doi.org/10.1108/JARHE-06-2020-0193>
- Wang, Y., Ko, J., & Qian, H. (2023). How Would Preservice Teachers With Deeper Reflection Emerge as Teacher Leaders? *ECNU Review of Education*, 6(2), 237–260. <https://doi.org/10.1177/20965311221142892>
- Widyastuti, Y. (2022). Analisis Peran Dan Strategi Kepemimpinan Kolaboratif. *Majalah Ilmiah Dinamika Administrasi*, 19(1), 1–6. <https://doi.org/10.56681/da.v19i1.51>
- York-Barr, J., & Duke, K. (2004). What do we know about teacher leadership? Findings from two decades of scholarship. *Review of Educational Research*, 74(3), 255–316. <https://doi.org/10.3102/00346543074003255>
- Yukl, G. (2006). *Leadership in Organizations*, 9/e. Pearson Education India.